

KLB lancar sistem pengurusan pembekalan melibatkan pelaburan RM3.2j

KUALA LUMPUR, 6 SEP 2006 – Konsortium Logistik Bhd. (KLB), pengendali perkhidmatan logistik, pelabuhan, gudang dan penghantaran, hari ini melancarkan penggunaan sistem pengurusan pembekalan yang melibatkan pelaburan sebanyak RM3.2 juta.

Pelaburan itu dibuat dengan kerjasama syarikat penyedia perisian dari India, Satyam Computer Services Ltd., dan merupakan komponen terakhir rangkaian bekalan yang telah dimajukan oleh KLB sejak beberapa tahun lalu.

Pengerusi Eksekutif KLB, Mirzan Mahathir berkata, dengan adanya perisian tersebut, operasi KLB akan menjadi bertambah mantap dan berdaya saing sejajar dengan pertambahan kerja-kerja yang dikendalikan sekarang.

“Perisian yang dibangunkan oleh Satyam Computer adalah bertaraf dunia dan ia adalah yang pertama seumpamanya di dalam industri ini,” katanya pada majlis menandatangani dokumen kerjasama di sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Satyam Computer, R. Ramalinga.

Sistem yang dibangunkan oleh Satyam itu adalah yang terkini dan mampu memberikan kemudahan kepada pengendali logistik menilai pendapatan atau laporan kos yang diguna pakai.

Model pembangunan luar pesisir yang disediakan oleh Satyam itu akan membolehkan syarikat itu

mencapai pulangan yang lebih baik bagi pelaburannya, kata Mirzan.

Menurut beliau, sistem yang dibangunkan itu ialah Sistem Pengurusan Pengangkutan (TMS) yang membantu meminimumkan kos pengang-

kutan dan meningkatkan kepuasan pelanggan apabila pesanan tiba pada masa yang ditetapkan.

Satu lagi sistem yang dibangunkan bersama ialah Sistem Pengurusan Transaksi yang digunakan untuk

mengurus pesanan dari pelbagai saluran dan menyeragamkannya kepada satu sistem.

Menurut Mirzan, sistem itu turut menyediakan tiga aplikasi yang berbeza kepada KLB dalam menguruskan operasi mereka.